

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20 Disember 2016**

**SOALAN**

Datuk Lihan Jok minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah pusat Anjung Kasih atau pusat penginapan yang telah dibina di hospital di Sarawak dan nyatakan jumlah orang yang telah menggunakan kemudahan ini.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka dan prihatin akan kebajikan kumpulan sasarnya termasuk waris pesakit, pengiring pesakit serta pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan. Justeru, Kementerian ini melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah mewujudkan projek Anjung Kasih dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia di beberapa buah hospital kerajaan terpilih di seluruh Malaysia. Anjung Kasih adalah projek yang berpandukan teras pengukuhan jalinan keluarga yang diwujudkan bertujuan menyediakan tempat penginapan sementara yang selesa dan bermaruah kepada ahli-ahli keluarga, waris yang mengiringi pesakit serta pesakit yang sedang menjalani rawatan di hospital-hospital Kerajaan. Projek Anjung Kasih ini mampu mengurangkan masalah ahli keluarga, waris pesakit serta pesakit yang tidak berkemampuan menjadikan surau, kaki lima hospital dan ruang berhampiran wad sebagai tempat berehat sementara yang terdedah dengan risiko keselamatan diri, harta-benda dan sebagainya. Pada masa ini, terdapat lapan (8) buah Anjung Kasih di seluruh Malaysia termasuk tiga (3) buah di Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri dan Hospital Sibu . Sehingga Oktober 2016 jumlah keseluruhan penerima manfaat bagi projek Anjung Kasih di tiga (3) buah hospital di Sarawak ialah seramai 14,001 orang. Projek ini terbukti telah dapat mengurangkan bilangan ahli keluarga dan waris pesakit yang menggunakan kaki lima hospital, surau dan ruang berhampiran wad sebagai tempat rehat sementara menemani pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di wad-wad hospital.

